



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
PEMAKLUMAN RASMI
KRISIS COVID-19: BILANGAN 02 TAHUN 2021**

**PEMATUHAN STANDARD PROSEDUR OPERASI (SOP) PENGURUSAN PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) BAGI PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN SELURUH NEGARA PADA 12 MEI SEHINGGA 7 JUN 2021**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

1. Berdasarkan kepada kenyataan rasmi dari YAB Perdana Menteri, mengenai keputusan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Negara bermula 12 Mei sehingga 7 Jun 2021. Perkara 4 dalam kenyataan media tersebut memutuskan semua Institusi Pendidikan ditutup. Pengecualian diberikan kepada pelajar – pelajar yang akan menduduki peperiksaan antarabangsa sahaja.
2. Merujuk kepada Pekeliling Pentadbiran Bil. 4 Tahun 2021 yang dikeluarkan pada 11 Mei 2021 mengenai Operasi Universiti Malaysia Pahang (UMP) semasa PKP bermula 12 Mei hingga 7 Jun 2021 bagi aktiviti akademik, penyelidikan dan Pelajar adalah seperti berikut:
 - I. Sesi pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar yang berada di rumah adalah diteruskan secara dalam talian mengikut kalendar akademik semasa.
 - II. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk **pelajar berkeperluan khas (6 Kategori)** yang berada di dalam kampus akan diadakan secara dalam talian sepenuhnya kecuali aktiviti makmal dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.

III. Aktiviti pelajar pulang ke kampus sempena cuti Hari Raya Aidilfitri 2021 **KEKAL** seperti mana perancangan asal iaitu;

i. Menggunakan Kenderaan Sendiri

Tarikh Pulang : 07 – 12 Mei 2021
Tarikh Kembali : 15 – 20 Mei 2021
Catatan : Pelajar dibenarkan memandu kenderaan sendiri dengan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh UMP. Pelajar **TIDAK** dibenarkan menggunakan kenderaan awam kecuali perkhidmatan penerbangan.

ii. Dijemput oleh Ibu Bapa atau Penjaga

Tarikh Pulang : 07 – 12 Mei 2021
Tarikh Kembali : 15 – 20 Mei 2021
Catatan : Pergerakan ibu bapa/penjaga pelajar yang melibatkan keperluan merentas daerah atau negeri perlu membawa bersama surat pelepasan perjalanan rentas daerah/negeri atau pulang semula ke kampus yang dikeluarkan oleh UMP **TANPA** perlu mendapatkan surat kebenaran rentas daerah / negeri dari Ibu Pejabat Polis. Bilangan ibu bapa/penjaga yang mengambil dan menghantar anak adalah tidak melebihi 2 orang sahaja tidak termasuk pelajar dan tempoh masa maksima yang dibenarkan untuk mengambil dan menghantar anak adalah 2 hari dari tarikh yang dibenarkan

iii. Menggunakan Kenderaan Yang Diselaraskan Oleh UMP

Tarikh Pulang : 07 – 11 Mei 2021
Tarikh Kembali : 16 – 20 Mei 2021
Catatan : Pelajar yang telah mempunyai tiket kembali ke kampus perlu mematuhi masa perjalanan dan pusat hentian bas bagi setiap negeri yang telah ditetapkan pihak UMP. Segala kos yang terlibat atas kecuaiian pelajar adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri dan pelajar tidak boleh membuat

sebarang tuntutan terhadap pihak universiti sekiranya berlaku sebarang perkara tidak diingini.

- IV. Semua pelajar **WAJIB** menjalani isolasi di mana-mana Residen Pelajar yang ditetapkan apabila kembali semula ke kampus.
 - V. Pelajar perlu mengisi Borang Saringan COVID-19 (Borang HDF) dalam tempoh 12 jam sebelum bertolak ke UMP untuk menjalani saringan kesihatan Pusat Kesihatan Universiti bagi tujuan isolasi.
 - VI. Semua pelajar yang **BERGEJALA** atau disahkan sebagai **KONTAK RAPAT** oleh pihak KKM atau Pusat Kesihatan Universiti (PKU) **DILARANG** sama sekali untuk pulang ke kampus . Pelajar hanya perlu memaklumkan kepada pihak Universiti melalui email rasmi admin_jhepa@ump.edu.my dengan mengemukakan bukti yang sah.
 - VII. Sebarang perubahan ketetapan pelaksanaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
3. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bilik Gerakan UMP seperti berikut Kampus Gambang (09-5493333) dan UMP Pekan (09-4246999) atau melalui emel admin_jhepa@ump.edu.my.

Sekian Terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah.



PROFESOR. DATO. Ts. DR YUSERRIE BIN ZAINUDDIN

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh: 11 Mei 2021

s.k Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi
Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan
Ketua Pustakawan
Penasihat Undang-Undang
Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan
Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita